



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS PERKETAT PEMANTAUAN KUALITI UDARA DAN AIR SUSULAN KEBAKARAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL DI GEBENG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang telah menerima pemakluman berhubung insiden kebakaran yang berlaku di premis, Kawasan Perindustrian Gebeng pada kira-kira jam 7.20 pagi, 12 Jun 2026.

Susulan kejadian tersebut, pasukan penguat kuasa JAS telah digerak ke lokasi kejadian bagi menjalankan pemantauan, penilaian awal serta siasatan berkaitan kemungkinan impak terhadap alam sekitar. Pemeriksaan turut melibatkan kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Gebeng Emergency Mutual Aid (GEMA).

Hasil pemerhatian awal mendapati kebakaran melibatkan kawasan pemprosesan premis berkenaan yang menempatkan tong Intermediate Bulk Container (IBC) dan tong drum yang mengandungi buangan terjadual dilaporkan terbakar sepenuhnya. Kawasan yang terjejas akibat kebakaran dianggarkan seluas 6,530.29 meter persegi. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar buangan terjadual yang terlibat masih dalam siasatan. Punca kebakaran masih disiasat oleh Unit Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Semasa pemeriksaan dijalankan, pasukan JAS mendapati terdapat kesan minyak pada alur air berhampiran kawasan kejadian yang berpotensi menyebabkan pencemaran kepada sistem perparitan dan seterusnya mengalir ke Sungai Balok sekiranya tidak dikawal dengan segera. Bagi mengelakkan sebarang pelepasan bahan pencemar ke alam sekitar, tindakan mitigasi segera telah dilaksanakan oleh pihak premis dengan penyeliaan agensi berkaitan, termasuk penyekatan aliran menggunakan beg pasir serta kerja-kerja pengepaman dan pemulihan cecair tercemar ke dalam bekas penyimpanan yang sesuai.

JAS juga telah menjalankan pemantauan kualiti udara di kawasan sekitar bagi mengesan sebarang kehadiran gas berbahaya susulan kejadian tersebut. Peralatan pemantauan telah dipasang di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Gebeng yang terletak bersebelahan premis dan dalam pemantauan JAS selama 24 jam.

Bagi memastikan tiada impak pencemaran yang menjejaskan alam sekitar dan kesihatan awam, JAS telah menjalankan persampelan campuran air berminyak untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisis.

Tindakan pemantauan melalui udara juga turut dibuat menggunakan dron serta pemeriksaan berkala di kawasan terlibat. Penilaian terperinci turut akan dilaksanakan bagi menentukan tahap pencemaran dan mengenal pasti sebarang ketidakpatuhan terhadap peruntukan perundangan alam sekitar yang berkuat kuasa. Sekiranya hasil siasatan mendapati berlaku pelepasan, tumpahan atau pencemaran yang menyalahi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya akan diambil.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini atau sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar disaran menyalurkan aduan kepada JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727, sistem e-Aduan JAS atau mana-mana saluran rasmi Jabatan.

JABATAN ALAM SEKITAR
12 JUN 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763